

Sumbangan Raya Kepada Kakitangan UMS

25 OGOS 2011 - Seramai lebih 50 orang kakitangan UMS daripada Kumpulan Pegawai Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana telah menerima sumbangan dalam bentuk barangan dapur dan sedikit wang ringgit sebagai persiapan menjelang Hari Raya Aidilfitri.

“Dengan sedikit sumbangan ini, saya dapat membuat serba sedikit persiapan menjelang syawal bagi mengembirakan hati anak-anak” kata Nomin Utok, 48, salah seorang daripada penerima sumbangan Hari Raya Aidilfitri daripada Persatuan Pegawai Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik) Universiti Malaysia Sabah (PPUMS).

Sumbangan yang diadakan di Dewan Canselor tersebut disampaikan oleh Presiden PPUMS, En, No'man Datuk Hj Ahmad dan diiringi oleh exco-exco persatuan. Selain di Dewan Canselor, PPUMS juga menyerahkan sumbangan ke rumah-rumah kakitangan di sekitar Pantai Barat, Sabah.

Program sumbangan tersebut dilihat telah mencapai objektifnya iaitu bagi meringankan beban kakitangan yang kurang berkemampuan untuk menyambut hari kemenangan seluruh umat islam dan seterusnya mengeratkan lagi hubungan silaturahmi diantara sesama saudara islam.

